



## GRAZIE Ristorante Pizzeria Café

Tidak puas dengan hidangan asli Itali? Datanglah ke GRAZIE Ristorante Pizzeria Café, terletak di Wawasan Plaza (bersebelahan pejabat Celcom, bertentangan bangunan MAA). Restoran ini mudah dikenal pasti dengan konsep teres, iaitu pengunjung boleh menikmati makanan mereka 'ala fresco'. Ketua Tukang Masak dan pemiliknya Salvatore Marcello berkata dia mahu mencipta suasana bergaya tetapi relaks untuk pengunjungnya. Marcello, yang datang dari Milan tetapi berasal dari Selatan Itali, menceburi bidang F&B Industry selama lebih 20 tahun. Dia pernah bekerja dengan pelbagai tempat terkemuka termasuklah Club Med yang eksklusif di Cannes, St. Moritz, Switzerland dan lain-lain tempat-tempat lain terkenal di Eropah. Untuk GRAZIE, menu Marcello mengetengahkan pelbagai hidangan menarik Itali, daripada pembuka selera sehinggalah hidangan utama. Costolette D'Agnello adalah sesuatu yang wajib dicuba, daging kambing rosemary yang dihidangkan dengan kuah yang cukup menyelerakan. Juga dalam menu ialah Carpaccio di Tonno, Spaghetti Marinara Combo dan Tonno al Cartoccio (daging tuna yellow fin yang diperam dengan cuka balsam, minyak zaitun tambahan, rosemary dan dibakar dengan menggunakan kerajang aluminium, dihidangkan dengan terung salai dan kentang panggang). Mereka juga memiliki pelbagai jenis pasta daripada Bolognese tradisi sehinggalah aneka pilihan makanan laut dan udang putih. Sudah pastilah tidak ada restoran Itali yang lengkap tanpa pizza! Kami mengesyorkan Diavola, gabungan lazat daging peperoni, cili, sos tomato dan keju mozarella. Untuk desert, anda tidak tersalah pilih jika memilih Fantasia di Mia Moglie (Fantasi Isteriku) – ini adalah gabungan hebat puding coklat panas dengan pisang. Hasilnya? Hidangan yang cukup enak! Pelbagai makanan pembuka selera bermula dari RM4.80+, pizza dari RM13.80+, pasta dari RM13.80+, hidangan utama dari RM29.80+ dan desert pada harga hanya RM7.80+. Nikmati secawan kopi espresso yang dibuat segar (dengan bijian kopi Itali) atau pilih pelbagai minuman tradisional wain Itali. GRAZIE ketika ini menawarkan tiga bahagian set makan tengah hari untuk hanya RM16.80+, yang merangkum pilihan sup atau roti bawang putih sebagai pembuka selera, pizza atau pasta sebagai hidangan utama dan tiramisu sebagai desert. Restoran ini turut menyediakan khidmat katering untuk majlis-majlis peribadi seperti hari jadi dan boleh menampung sehingga 36 orang pada satu masa. Temuilah Itali di tengah-tengah Bandaraya Kota Kinabalu di GRAZIE!

GRAZIE terletak di Lot 2-1-30G, Tingkat Bawah, Tahap 1, Lorong Wawasan Plaza, Wawasan Plaza, Kota Kinabalu. Dibuka untuk makan tengahari bermula 11:00 pagi hingga 10:00 malam (kecuali Sabtu dan Ahad) dan setiap hari untuk makan malam bermula 6:00 petang hingga 10:00 malam. Untuk tempahan, sila hubungi 019-5315246.

## Hari Merdeka, 31 Ogos

Tahun ini, bersama-samalah negara untuk merayakan hari Kemerdekaan ke-50 tahun. Perayaan besar-besaran akan diadakan dengan penglibatan daripada segenap lapisan masyarakat. Mereka akan merayakan dengan bangganya ulang tahun emas kemerdekaan dengan bangganya. Datanglah dan saksikan perarakan di Kota Kinabalu yang akan diadakan di Jalan Tun Fuad Stephens (di depan Hotel Promenade).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Elizabeth Borubui di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di talian 088-521788.

**CRES MOMENT**  
NO.1 TREATMENT SPA • MALAYSIA

**RM48.00**  
nett

**FOOT REFLEXOLOGY OR BODY SHIATSU**  
フットリフレクソロジー or 指圧背コマッサージ  
발 마사지 or 시아수 등다사지

Lot No A-G-01, Block A, Ground Floor, Wawasan Square, Jln Tun Fuad Stephens, 88000 Kota Kinabalu, Sabah | Tel - 081 417 822 | Business Hour: 10am - 10pm (Daily)  
KL - Bangsar - Beverly Hills Square - Jooze Kuching - Metro Prima Resting - SELANGOR - AEON  
Thema Station - East Trangi Klang - USJ - SISEMBAN - Jooze Seremban 2 - MALACCA - Jooz Aya  
Berkis - JB - AICHI Takauu City